

08 JUL 1997

ANWAR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Sukom

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan diberi penerangan mengenai perkembangan terkini dalam persiapan negara menjadi tuan rumah Sukan Komanwel ke-16 tahun depan apabila beliau mempengerusikan mesyuarat Majlis Sukan Komanwel Malaysia di sini pagi ini.

Memandangkan Pengerusi majlis itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sedang bercuti, Anwar dijangka diberikan taklimat mengenai peringkat kemajuan dalam pelaksanaan pelbagai projek untuk sukan itu.

Selain mendengar penerangan oleh 12 jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Pengurusan Sukan Komanwel, majlis itu juga dijangka membincang dan menyelesaikan soal struktur baru jawatankuasa kerja.

Mesyuarat itu, yang pertama bagi tahun ini dan diadakan di Kementerian Belia dan Sukan di Pusat Bandar Damansara, juga dijangka menyentuh kempen promosi sukan itu yang menjadi bahan kritikan hangat baru-baru ini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, akan mengetuai sesi taklimat itu diikuti oleh Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Antara menteri kabinet yang menganggotai majlis itu ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Abdul Razak.

Majlis peringkat tinggi itu juga dianggotai Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Ismail Omar, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Hamzah Abu Samah. --  
BERNAMA

DC NMO